

Penggunaan Bahan Sastera Dalam Pengajaran Kefahaman

Elna Hussin

elna_hussi_n@schools.gov.sg

Khaizuran Supaat

khaizuran_supaat@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Westwood

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk membantu murid memahami jenis-jenis dan fungsi kata tanya dengan menggunakan cerita rakyat. Dengan memahami jenis dan fungsi kata tanya, murid dapat meningkatkan prestasi mereka menjawab soalan kefahaman objektif dan subjektif. Murid Darjah 3 telah didedahkan dengan penggunaan *Kahoot* dan portal SLS dalam pembelajaran ini. Mereka dibimbing untuk berfikir secara kritis dan kreatif dalam memahami cerita rakyat, memahami jenis-jenis soalan kefahaman (5W1H) dan memberi respons yang bersesuaian. Praujian dan pascaujian digunakan sebagai instrumen untuk pengumpulan data selain menilai tahap pemahaman murid. Berdasarkan keputusan pascaujian, murid dapat menjawab soalan kefahaman dengan tepat. Murid juga menunjukkan minat terhadap cerita rakyat yang menerapkan nilai-nilai murni.

Kata Kunci: Kata Tanya, Kefahaman, Cerita Rakyat, *Kahoot*, portal SLS



PENGENALAN

Kajian ini dijalankan untuk mempertingkatkan keupayaan murid menjawab soalan kefahaman melalui Cerita Rakyat. Murid akan memahami jenis-jenis kata tanya dalam soalan kefahaman. Dengan memahami fungsi kata tanya, murid akan dapat meningkatkan prestasi mereka dalam menjawab soalan kefahaman. Murid dibimbing untuk berfikir secara kritis dalam menjawab soalan kefahaman (5W1H), mengklasifikasikan jenis kata tanya, mendalami jalan cerita dan memberi respons yang bersesuaian.

PERNYATAAN MASALAH

Murid-murid kurang berupaya mengaitkan isi cerita dengan soalan kefahaman yang diajukan. Murid kurang memahami jenis dan fungsi kata tanya. Soalan-soalan seperti Siapa, Apa, Mana, Mengapa, Bila dan Bagaimana tidak mendapat respons yang diharapkan.

Bagi murid Darjah 3, mereka harus mempunyai pemahaman yang kukuh tentang jenis dan fungsi kata tanya agar mereka dapat mengaplikasikannya semasa menjawab soalan kefahaman. Hal ini dapat membantu murid menjawab soalan kefahaman objektif dan subjektif.

Untuk memastikan kemahiran asas murid-murid dalam menjawab soalan kefahaman tercapai, kajian tindakan dijalankan untuk membantu murid mengatasi masalah ini. Dengan cara ini, soalan jenis 5W1H tidak akan menjadi masalah lagi apabila murid ke peringkat seterusnya.

Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana pemahaman murid terhadap jenis-jenis dan fungsi kata tanya untuk membantu murid menjawab soalan kefahaman dengan tepat. Untuk menarik minat murid, cerita rakyat diperkenalkan dan menjadi bahan utama dalam pengajaran. Cerita rakyat digunakan untuk membantu murid memahami jalan cerita dan pada waktu yang sama dapat menekankan nilai-nilai murni yang tersurat dan tersirat dalam cerita rakyat pilihan.



Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang berfokus kepada proses pengajaran pelaksanaan pelajaran diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) kefahaman ini. Aspek Pengajaran (AP) Menggunakan Soalan untuk Memperdalam Pembelajaran dan Aktiviti Mengajar (AM) Rangkaian IRF – Mulakan-Respons-Maklum Balas dan AM Menjana Soalan digunakan untuk melibatkan murid dalam sesi perbincangan dan berkomunikasi. Penggunaan AM ini dapat merancang jenis-jenis soalan yang ingin diajukan dan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian mengikut profil murid. Dengan memahami profil murid, Pengajaran Pembezaan (DI) dapat dijalankan di dalam kelas. Soalan-soalan yang diajukan harus terdiri daripada pelbagai tahap untuk memberi peluang kepada tahap keupayaan murid yang pelbagai untuk menjawab soalan.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. mempertingkatkan keupayaan murid menjawab soalan kefahaman;
2. memahami 5 jenis dan fungsi kata tanya untuk diaplikasikan semasa menjawab soalan kefahaman; dan
3. memperkenalkan murid pada bahan sastera, Cerita Rakyat.

KAJIAN LEPAS

Kefahaman merupakan bahagian yang agak kompleks untuk murid-murid. Selain memahami teks yang dibaca, mereka perlu mengaitkan isi teks dengan soalan yang diaju. Murid perlu membaca untuk memahami jalan cerita.

Strategi pemikiran 5W1H (Stein & Glenn, 1979) dapat membantu murid memahami jalan cerita dengan mendalam. Murid perlu memahami unsur-unsur dalam cerita yang melibatkan watak, plot, latar, tema dan sudut pandangan. Untuk murid memahami sesebuah cerita, informasi-informasi ini perlu dikenal pasti agar cerita itu memberi makna kepada murid.



Sejajar dengan matlamat Kementerian Pendidikan untuk melahirkan insan yang arif budiman, pendedahan kepada sastra rakyat akan memperkenalkan murid kepada nilai-nilai murni. Pendedahan kepada Sastra Melayu khususnya cerita rakyat berperanan untuk melengkapkan murid dengan ilmu sastra, nilai-nilai murni selain memupuk rasa bangga terhadap bahasa dan kesusasteraan Melayu dalam pendidikan.

Menurut Fathin Noor Ain Ramli (2018), kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa pengaruh bahan bacaan dilihat menjadi faktor utama kepada pembentukan karakter murid. Melalui pembacaan terhadap bahan bacaan sastra, akan mempengaruhi pembentukan karakter murid yang baik terutamanya dari segi aspek bersopan santun dan beretika.

Lazar (2002) berpendapat bahawa manfaat pembelajaran sastra dapat memberikan motivasi kepada murid, memberi pengetahuan berkenaan latar belakang budaya dan memberi pengetahuan mengenai pemerolehan bahasa. Selain itu, pembelajaran sastra dapat memperluas perhatian murid terhadap bahasa dan mengembangkan kemampuan tafsiran murid serta mendidik murid secara holistik.

KAEDAH KAJIAN

Praujian dan pascaujian digunakan sebagai instrumen untuk mengumpulkan data dan menilai pencapaian murid. Sebelum kajian ini dilakukan, murid menduduki ujian kefahaman untuk mendapatkan data praujian. Selepas kajian ini dijalankan, murid menduduki ujian kefahaman yang sama untuk mendapatkan data pascaujian.

Menurut Benjamin Bloom (1956) yang memperkenalkan Taksonomi Bloom, terdapat 3 domain bagi domain kognitif. Bagi kajian ini, bentuk yang diberikan fokus ialah soalan berbentuk pengetahuan dan pemahaman. Bentuk soalan ini dipilih untuk mengukuhkan lagi kemahiran murid-murid menjawab soalan kefahaman di peringkat Darjah 3.

Murid akan menduduki ujian kefahaman sebelum kajian dilakukan. Data mengenai pencapaian mereka akan dicatat. Setelah kajian dijalankan,



murid akan menduduki ujian kefahaman yang sama dan sekali lagi pencapaian mereka dicatat. Kedua-dua data itu akan dibandingkan untuk melihat tahap peningkatan pelajar. Selain daripada data praujian dan pascaujian, markah peperiksaan akhir tahun juga dicatatkan untuk melihat keberkesanan kajian ini secara keseluruhan.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid-murid Darjah 3. Seramai 45 orang murid terlibat dalam kajian ini. Murid-murid terbahagi kepada 3 kumpulan daripada pelbagai tahap keupayaan.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan cerita rakyat untuk menarik minat murid dalam membaca dan memahami teks. Bahan-bahan bacaan yang dipilih telah mendedahkan murid-murid dengan cerita rakyat yang kaya dengan nilai-nilai murni. Dengan ini, penerapan nilai-nilai murni dikukuhkan semasa PdP. Pendedahan kepada cerita rakyat telah merangsang dan memupuk minat membaca murid-murid secara intrinsik.

Untuk mengingat semula jalan cerita, murid dikehendaki mengisi templat yang dihasilkan guru untuk mencungkil informasi penting dalam teks bacaan. Selain itu, aplikasi *Kahoot* dan portal SLS digunakan untuk menggalakkan pembelajaran sendiri dalam kalangan murid.

Prosedur Kajian

Pengajaran eksplisit tentang kata tanya dijalankan untuk memberi murid pemahaman yang mendalam tentang setiap fungsi kata tanya – Siapa, Apa, Mana, Mengapa, Bila dan Bagaimana (5W1H). Murid harus yakin tentang penggunaan kata tanya dan mengaitkannya dengan kata kunci. Selepas murid-murid memahami penggunaan kata tanya, guru akan memperkenalkan cerita rakyat kepada murid.



Kemudian, cerita rakyat diperkenalkan. Cerita rakyat akan dibahagi-bahagikan kepada beberapa bahagian mengikut jumlah kata tanya. Ada 6 bahagian kesemuanya. Sila lihat Jadual 1. Dalam Rajah 2 pula ialah contoh kata tanya ‘Siapa’ dalam cerita rakyat ‘Tanggung’.

Jadual 1 : Kata Tanya Dalam Setiap Bahagian Cerita Rakyat

Bahagian	Jenis Kata Tanya
Pertama	Siapa
Kedua	Apa
Ketiga	Mana
Keempat	Mengapa
Kelima	Bila
Keenam	Bagaimana

Rajah 1: Contoh Kata Tanya – Siapa Dalam Cerita Rakyat ‘Tanggung’



Tanggung dan keluarganya tinggal di sebuah kampung. Ibu Tanggang bernama Deruma. Bapanya pula bernama Talang. Talang bekerja sebagai seorang nelayan. Kehidupan mereka amat miskin. Tanggang merupakan seorang kanak-kanak yang bercita-cita tinggi. Dia ingin menjadi kaya dan terkenal. Namun, dia tiada peluang untuk mencapai cita-citanya.

Arahan: Jawab soalan-soalan di bawah ini.

1. Siapakah tinggal di sebuah kampung?

2. Siapakah Deruma?

3. Siapakah yang bekerja sebagai nelayan?

Bagi memahami jalan cerita, murid akan membaca teks dengan senyap. Kemudian, guru akan mengajukan soalan untuk mencungkil pemahaman murid. Guru akan memantau keupayaan murid untuk menjawab soalan-soalan secara lisan. Sejar dengan DI, soalan-soalan yang diajukan harus bertahap untuk memberi peluang kepada semua murid menjawab. Amalan Pengajaran Singapura (STP) AP 20 iaitu Menggunakan Soalan untuk Memperdalam Pembelajaran digunakan bagi menjawab soalan kefahaman dengan bimbingan guru-guru. AM Rangkaian IRF dan Menjana Soalan digunakan untuk melibatkan murid-murid dalam sesi perbincangan dan berkomunikasi.

Untuk melanjutkan Pembelajaran di Rumah (HBL), tugas di portal SLS dimuat naik seperti di Rajah 2. Penggunaan portal SLS dapat menggalakkan pembelajaran sendiri, melatih murid menjadi lebih berdikari dan sekali gus meningkatkan pengetahuan dan motivasi intrinsik. Selain itu, keyakinan diri murid juga akan meningkat, sejar dengan kemahiran abad ke-21.

Rajah 2: Tugas Di Portal SLS Berdasarkan Cerita Rakyat 'Badang'

The screenshot displays the SLS (Self-Learning System) portal interface. At the top, it shows the course title 'Latihan Kefahaman 1 - Badang' and the dates '07 Oct 2020' to '14 Oct 2020'. The main content area contains a text passage about 'Badang', a hamba who was freed by his master and given the task of clearing a forest. Below the text are two questions (Q1 and Q2) with input fields for student responses. Q1 asks for the name of the village, and Q2 asks for the task given to Badang. The interface includes a 'View' dropdown set to 'Teacher', a 'Lat' button, and an 'Activity List' sidebar on the right with a 'Completion' indicator.

Semasa proses pembelajaran menjawab soalan kefahaman, guru akan memastikan murid kotakkan Kata Tanya dan gariskan kata kunci soalan. Penggunaan peranti *Kahoot* sering digunakan semasa proses pembelajaran




untuk menarik minat murid dan sekaligus menguji tahap pemahaman mereka. Sila lihat Rajah 3 dan 4 bagi contoh permainan *Kahoot* berdasarkan cerita rakyat 'Badang'.

Rajah 3: Permainan Kahoot! Berdasarkan Cerita Rakyat 'Badang'



Rajah 4: Permainan Kahoot! Berdasarkan Cerita Rakyat 'Badang'



Setelah murid melalui proses yang sama untuk kesemua kata tanya, barulah mereka didedahkan kepada latihan teks kefahaman sepenuhnya. Untuk membimbing murid, templat juga disediakan untuk mengisi isi-isi penting dalam teks kefahaman.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Objektif kajian ini bertujuan untuk melihat peningkatan dalam pencapaian Band Cemerlang dan Baik dan sekaligus penurunan pada Band Lemah dan Sangat Lemah.

Jadual 2 menunjukkan data sebelum kajian ini dijalankan sementara Jadual 3 menunjukkan data setelah kajian ini dijalankan.

Jadual 2: Data Praujian

	Jumlah murid	Cemerlang 9-10	Baik 7-8	Sederhana 5-6	Lemah 3-4	Sangat Lemah 0-2
Kumpulan A	7	0	0	2	1	4
Kumpulan B	17	3	3	7	3	1
Kumpulan C	21	0	4	6	10	1

Jadual 3 merupakan hasil data setelah pelaksanaan selama 3 penggal. Terdapat peningkatan pada Band Cemerlang dan Baik dan tiada murid yang berada di Band Lemah dan Sangat Lemah.

Jadual 3: Data Pascaujian

	Jumlah murid	Cemerlang 9-10	Baik 7-8	Sederhana 5-6	Lemah 3-4	Sangat Lemah 0-2
Kumpulan A	7	5	1	1	0	0
Kumpulan B	17	11	5	1	0	0
Kumpulan C	21	15	5	1	0	0

Perbandingan Prakajian vs Pascakajian

Jadual 4 dan 5 ialah peratusan data yang menunjukkan prestasi murid. Secara ringkas, kesemua 45 orang murid telah menunjukkan peningkatan yang sangat



positif. Sebelum kajian dijalankan, hanya 6.6% murid yang berada di band Cemerlang. Setelah kajian dijalankan, ada peningkatan sebanyak 68.9% di band Cemerlang. Lebih memberangsangkan lagi apabila data menunjukkan bahawa semua murid lulus ujian Kefahaman setelah kajian dijalankan.

Jadual 4: Peratusan Data Praujian

%	Jumlah pelajar	Cemerlang 9-10	Baik 7-8	Sederhana 5-6	Lemah 3-4	Sangat Lemah 0-2
Kumpulan A	7	0%	0%	28.6%	14.3%	57.4%
Kumpulan B	17	17.6%	17.6%	41.2%	17.6%	5.9%
Kumpulan C	21	0%	19%	28.6%	47.6%	4.7%

Jadual 5 : Peratusan Data Pascaujian

%	Jumlah pelajar	Cemerlang 9-10	Baik 7-8	Sederhana 5-6	Lemah 3-4	Sangat Lemah 0-2
Kumpulan A	7	71.4%	14.3%	14.3%	0%	0%
Kumpulan B	17	64.7%	29.4%	5.9%	0%	0%
Kumpulan C	21	71.4%	23.8%	4.76%	0%	0%

Selain daripada peningkatan dalam prestasi, murid kini lebih teliti ketika menjawab soalan kefahaman. Mereka akan mempraktikkan teknik-teknik menjawab soalan kefahaman. Rutin ini telah membantu murid menjawab soalan kefahaman dengan lebih tepat.

Murid juga dapat memahami dan berkongsi tentang nilai-nilai murni dalam cerita rakyat.

KESIMPULAN

Dengan pelbagai aktiviti dalam proses PdP, murid dapati mereka lebih yakin menjawab soalan kefahaman. Mereka juga dapat memahami jalan cerita, mengenal pasti dan mempelajari nilai-nilai yang ada dalam sesebuah teks.

Pendekatan pengajaran secara eksplisit sangat penting. Modeling daripada guru dapat membimbing murid untuk memahami cara melalui proses

ini dengan lebih mendalam. Ini akan meningkatkan keyakinan murid untuk melakukan pembelajaran sendiri. Dengan menjalankan DI, guru lebih peka terhadap profil murid. Dengan menyediakan suasana yang kondusif, murid akan lebih berminat dan terbuka untuk mempelajari sesuatu yang baharu. Semua murid akan dapat belajar dan meraih ilmu baharu.

Penerapan elemen STP membimbing guru untuk merancang pengajaran mereka secara efektif dan berkesan. Dengan berpandukan strategi-strategi yang diberi, guru dapat merancang, menjalankan dan membuat refleksi tentang pengajaran mereka.

Saranan

Masa merupakan cabaran utama. Disebabkan itu, penting bagi guru membuat perancangan awal. Perancangan awal akan dapat memastikan PdP dapat berjalan dengan lancar. Selain itu, guru perlu memastikan murid dapat melakukan tugas dan diselesaikan dalam masa yang diperuntukkan untuk setiap aktiviti bagi memastikan objektif pengajaran tercapai.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Nurul Syafiqah Anuar Khan

RUJUKAN

Beatty, K. (2013). *Teaching & researching: Computer-assisted language learning*. Routledge.

Carol Ann Tomlinson (2017). *How to Differentiate Instruction in Academically Diverse Classrooms*. US:ASCD

Curriculum Planning and Development Division, Ministry of Education, Singapore. (2014). *Sukatan pelajaran bahasa Melayu: sekolah rendah 2015*. Retrived from <https://www.moe.gov.sg/docs/default-source/document/education/syllabuses/mother-tongue-languages/files/malay-primary-2015.pdf>



Dylan William (2011). *Embedded Formative Assessment: Solution Trees*. US: ASCD.

Fathin Noor Ain Ramli, Azhar Hj.Wahid (2018). Pendidikan Sastera Melayu Memperkukuhkan Pembinaan Karakter Pelajar. *Jurnal Peradaban Melayu* Jilid 13, 2018 ISSN 1675-4271 (1-14). Dari <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/2356/1622>

Higgins, S. J. (2003). *Does ICT improve learning and teaching in schools?*. BERA, British Educational Research Association.

Jonassen, D. H., Howland, J., Marra, R., & Crismond, D. (2008). *Meaningful learning with technology*. Upper Saddle River, NJ: Pearson.

Muñoz-Repiso, A. G. V., Gómez-Pablos, V. B., & García, C. L. (2014). ICT in Collaborative Learning in the Classrooms of Primary and Secondary Education. *Comunicar: Revista Científica de Comunicación y Educación*, 21(42), 65-74. Dari <https://www.revistacomunicar.com/indice-en/articulo.php?numero=42-2014-06>

